

NO. SOALAN : 504

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**

Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah penubuhan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara boleh menangani kenaikan kos sara hidup.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Penubuhan Majlis Tindakan ini bertujuan untuk memberi tumpuan kepada pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang proaktif bagi mendepani cabaran kenaikan kos sara hidup serta membantu mengurangkan bebanan rakyat dengan lebih berkesan dan efektif melalui kerjasama strategik merentasi **sektor awam dan swasta** termasuk **golongan akademia, wakil – wakil industri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)** agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

**Berbeza dengan Jawatankuasa Khas Mengenai Kos Sara Hidup Rakyat**, struktur dan modus operandi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara direkabentuk untuk membolehkan ia berfungsi dengan cekap dan memastikan bahawa keputusan yang diambil dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Justeru, kerangka Majlis Tindakan Sara Hidup Negara akan terbahagi kepada **3 peringkat** iaitu **Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Peringkat Eksekutif**; dan **Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster** yang ditubuhkan berdasarkan isu dan keperluan untuk melancarkan pelaksanaan strategi serta pelan tindakan yang diputuskan di kedua-dua peringkat utama.

Majlis Tindakan ini akan memberi fokus kepada **6 Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster Utama** iaitu **kluster Makanan, Perumahan, Pendidikan, Pengangkutan, Kesihatan dan Utiliti**. Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster ini akan melibatkan gabungan sektor awam dan swasta termasuk **NGO, akademia serta wakil-wakil industri** mengikut kepakaran, kemahiran dan kompetensi dalam menangani isu dan cabaran secara spesifik.

Justeru, melalui **Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster** ini akan mengenalpasti dan merangka pelan tindakan yang lebih spesifik dan fokus mengikut bidang kluster yang dinyatakan seperti di atas. Penggabungan kepakaran melalui kerjasama strategik awam dan swasta termasuk terdiri daripada pihak **NGO, akademia serta wakil-wakil industri** dilihat sebagai jalan terbaik dalam mencari penyelesaian dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Setiap Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster akan bersidang **sekurang – kurangnya sebulan sekali** dalam mengenal pasti isu dan cabaran serta merangka pelan tindakan dalam menangani kos sara hidup yang berkaitan dengan kluster masing – masing. Hasil serta **outcome** daripada perbincangan setiap **6 Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kluster** akan dibentangkan ke **Mesyuarat Majlis Tindakan Peringkat Tertinggi** dan akan dibentangkan ke **Kabinet** untuk pertimbangan. Pencapaian dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara boleh diukur melalui **Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat** yang turut merangkumi **aspek kesejahteraan ekonomi dan sosial**.

Selaras dengan matlamat sebagai **Caring Ministry**, Kementerian berharap dengan usaha-usaha yang telah dinyatakan akan dapat menangani isu harga barangan dengan lebih baik demi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat.